

TARIKH	29 / 3 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	NASIONAL

## Tuntut sebab Tabung Haji mahu jual ladang sawit

**KUALA LUMPUR** - Pakatan Rakyat (PR) meminta penjelasan mengenai langkah Tabung Haji mahu menjual keseluruhan ladang kelapa sawit seluas 80,000 hektar di Riau, Indonesia.

Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa berkata, tindakan itu tidak wajar memandangkan ia akan merugikan pencarum.

"Hari ini, ladang berkenaan memberi pulangan RM3 juta kepada Tabung Haji setiap hari.

"Ia akan menjejaskan caruman pencarum. Langkah ini perlu dipertimbangkan semula," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat kepimpinan PR di Parlimen, semalam

Turut hadir, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Pengarah Pilihan Raya PKR, Fuziah Salleh dan Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution Ismail.

Husam berkata, tindakan itu membolehkan Tabung Haji mendapat wang tunai yang

banyak tetapi dalam masa yang sama mungkin sukar untuk diuruskan.

"Mereka perlu jelaskan apakah alasan untuk menjual ladang itu kerana sebelum ini ia menjaga kewangan dan pulangan kepada Tabung Haji secara berterusan.

"Kami difahamkan langkah penjualan ini dibuat secara tergesa-gesa dan mencurigakan kepada syarikat dimiliki Tan Sri Robert Kuok dan kami berpandangan ini langkah terdesak Barisan Nasional (BN) untuk guna aset yang dimiliki agensi atau perbadanan yang melibatkan kepentingan negara dan orang ramai," katanya.

Husam berkata, tindakan itu mungkin langkah kedua selepas mereka tergendala dalam penyenaraian Felda dan sebagai langkah profesional mereka menggunakan aset Tabung Haji yang amat mencurigakan.

"Aset-aset begitu berharga dijual dalam keadaan terdesak. Tabung Haji perlu jawab bagi pihak pencarum yang kebanyakannya terdiri daripada umat Islam," katanya.